



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN, MALAYSIA
(MINISTRY OF YOUTH AND SPORTS)
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
ARAS 5, MENARA KBS
NO. 27, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62570 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8871 3333
Fax : 03-8888 8772

KBS.S.5-8/36 Jld 4(H)
26 Jun 2010
Rejab 1431

Pesuruhjaya Sukan
Pejabat Pesuruhjaya Sukan

Ketua Pengarah
Jabatan Belia dan Sukan Negara

Pendaftar
Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia

Semua Setiausaha Bahagian/Pengarah Bahagian/Ketua Cawangan
Kementerian Belia dan Sukan

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN KAEDAH PUSAT PENILAIAN KHAS BAGI PEGAWAI-
PEGAWAI KUMPULAN SOKONGAN SKIM GUNASAMA YANG BERKHIDMAT
SELAMA 15 TAHUN KE ATAS DAN AKAN BERSARA DALAM TEMPOH
2 TAHUN**

Saya dengan hormatnya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/tuan/puan mengenai perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan telah bersetuju supaya **Pegawai Kumpulan Sokongan yang berkhidmat 15 tahun** dan lebih serta masih berada di grad lantikan boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) setelah memenuhi syarat seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatannya berkuat kuasa mulai 1 Julai 2009.

3. Bagi melaksanakan keputusan ini, satu kaedah penilaian telah dibangunkan mengambil kira faktor pengalaman kerja, tempoh perkhidmatan dan usia pegawai berkenaan. Kaedah penilaian ini dikenali sebagai **Pusat Penilaian Khas (PPKhas)** bagi pegawai-pegawai kumpulan sokongan yang berkhidmat selama 15 tahun ke atas dan akan bersara dalam tempoh 2 tahun tetapi **masih belum lulus Penilaian Tahap Kecekapan** yang ditetapkan di grad lantikan. Surat edaran Y.Bhg. Tan Sri KPPA berhubung perkara tersebut rujukan JPA.BK(S)241/82/1 Jld.3(1) bertarikh 29 Mac 2010 adalah seperti mana dikepikan.

"1 BELIA 1 MALAYSIA"



4. Sehubungan itu, adalah dimaklumkan bahawa pegawai kumpulan sokongan skim perkhidmatan gunasama yang masih belum lulus Penilaian Tahap Kecekapan, telah berkhidmat selama 15 tahun dan lebih dan akan bersara dalam tempoh dua tahun supaya membuat permohonan Pusat Penilaian Khas melalui website JPA. Sekiranya terdapat pegawai kumpulan sokongan skim perkhidmatan gunasama yang telah lulus Penilaian Tahap Kecekapan, pegawai berkenaan perlu mengemukakan salinan buku perkhidmatan dan salinan keputusan Penilaian Tahap Kecekapan seberapa segera kepada:


Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Cawangan Pengurusan Prestasi dan Tatatertib
Aras 5 Lot 4G4, Menara KBS, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Norzam Adhar bin Mohd Nor)

5. Untuk makluman pihak Y.Bhg. Dato'/tuan/puan, urusan PPKhas yang dilaksanakan ini adalah bagi Kumpulan Sokongan Skim Perkhidmatan Gunasama sahaja. Bagi Skim Perkhidmatan Bukan Gunasama di bawah Kementerian Belia dan Sukan, urusan PPKhas perlu dirujuk dengan Cawangan Pembangunan Sumber Manusia.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(AYDA FADLULLAH BINTI ABDUL MALEK)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
MALAYSIA

☎ 03-8871 3553
☎ 03-8888 8772
✉ ayda@kbs.gov.my

"1 BELIA 1 MALAYSIA"



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Ara 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA
Tel. : 03-88853001
Faks : 03-88892187
E-mel : ismail@jpa.gov.my
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Ruj. Kami : JPA.BK(S)241/82/1 Jld.3(|)

Tarikh : 29 Mac 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan,

PELAKSANAAN KAEDAH PUSAT PENILAIAN KHAS BAGI PEGAWAI-PEGAWAI KUMPULAN SOKONGAN YANG BERKHIDMAT SELAMA 15 TAHUN KE ATAS DAN AKAN BERSARA DALAM TEMPOH 2 TAHUN

Saya dengan hormatnya merujuk kepada keputusan Kerajaan supaya Pegawai Kumpulan Sokongan yang berkhidmat 15 tahun dan lebih serta masih berada di gred lantikan boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) setelah memenuhi syarat seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatannya berkuat kuasa mulai 1 Julai 2009.

2. Bagi memastikan urusan kenaikan pangkat ini menepati matlamatnya, Kerajaan telah memutuskan semua pegawai perlu dinilai tahap penguasaan kompetensi mereka sebelum dipertimbangkan kenaikan pangkat. Sehubungan itu, satu kaedah penilaian telah dibangunkan mengambil kira faktor pengalaman kerja, tempoh perkhidmatan dan usia pegawai berkenaan. Kaedah penilaian ini dikenali sebagai **Pusat Penilaian Khas** bagi pegawai-pegawai kumpulan sokongan yang berkhidmat selama 15 tahun ke atas dan akan bersara dalam tempoh 2 tahun tetapi masih belum lulus Penilaian Tahap Kecekapan yang ditetapkan di gred lantikan.

3. Kaedah Pusat Penilaian Khas ini menggunakan aktiviti-aktiviti penilaian berikut :


Komponen	Aktiviti
i) Generik	Perbincangan Kes/Temu duga Berkumpulan
ii) Fungsional	Pembentangan Hasil kerja

Kaedah ini tidak menggunakan ujian bertulis sebagai elemen penilaian. Panduan Pelaksanaan kaedah pusat penilaian khas ini adalah seperti di **Lampiran A**.

4. Kaedah penilaian ini telah diselaraskan mengikut tahap kesukaran yang bersesuaian dengan skim perkhidmatan dan gred pegawai bagi memberi peluang kepada calon melepasi tahap kompetensi pada Aras III dan boleh dipertimbangkan bagi tujuan memenuhi satu daripada syarat kenaikan pangkat.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

s.k. :

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A

PANDUAN PELAKSANAAN PUSAT PENILAIAN KHAS BAGI PEGAWAI- PEGAWAI KUMPULAN SOKONGAN YANG BERKHIDMAT SELAMA 15 TAHUN KE ATAS DAN AKAN BERSARA DALAM TEMPOH 2 TAHUN

1. PEGAWAI YANG LAYAK DIPERTIMBANGKAN:

Pegawai yang layak mengikuti **Pusat Penilaian Khas** adalah seperti berikut:

- (a) akan bersara wajib dalam tempoh 2 tahun dan telah memenuhi syarat berkhidmat 15 tahun dalam skim perkhidmatan berkenaan;
- (b) mereka yang dapat menggenapkan tempoh berkhidmat 15 tahun dalam skim perkhidmatan semasa pada tarikh persaraan wajib, juga boleh dipertimbangkan;
- (c) masih belum lulus PTK yang ditetapkan di gred lantikan; dan
- (d) kaedah ini tidak dipanjangkan kepada pegawai-pegawai yang memilih untuk bersara pilihan memandangkan mereka sudah mempunyai perancangan masa depan yang tersendiri.

2. KAEDAH PENILAIAN:

- a) Aktiviti **Perbincangan Kes** merupakan perbincangan secara lisan yang diadakan dalam kumpulan bagi menilai keupayaan untuk menyelesaikan dan mencapai keputusan terhadap sesuatu isu/permasalahan yang diberi.
- b) Aktiviti **Temu duga Berkumpulan** pula adalah soal jawab yang dilaksanakan di dalam kumpulan dan penilaian diberikan berdasarkan jawapan yang diberikan oleh setiap individu.
- c) Aktiviti **Pembentangan Hasil Kerja** adalah penilaian yang berasaskan pembuktian hasil kerja yang di bentang/laporkan kepada panel penilai selaras dengan kompetensi gred jawatan.

3. KEPUTUSAN PENILAIAN:

Keputusan terbaik yang boleh dipertimbangkan adalah **lulus pada Aras III sahaja** kerana kaedah penilaiannya telah diselaras dan disesuaikan mengikut tahap kesukaran skim perkhidmatan dan gred pegawai tersebut.

4. SUKATAN PENILAIAN:

Skop penilaian adalah berdasarkan sukatan penilaian mengikut skim, gred dan tahap kecekapan berkaitan.

**URUSAN KENAIKAN PANGKAT KUMPULAN SOKONGAN
KAEDAH PERMOHONAN PUSAT PENILAIAN KHAS (PPKhas)**

Kumpulan Sokongan	Tempoh Perkhidmatan	Penilaian Tahap kecekapan	Keterangan
Skim Gunasama	15 tahun dan ke atas	Tidak Lulus	Permohonan untuk menduduki Pusat Penilaian Khas (PPKhas) adalah melalui laman web JPA (http://www.kompetensi.jpa.gov.my/ptkonline/penilaian)
		Lulus	<p>Kemukakan salinan buku perkhidmatan dan salinan keputusan PTK kepada:</p> <p>Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Cawangan Pengurusan Prestasi dan Tatatertib Aras 5 Lot 4G4, Menara KBS, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62570 PUTRAJAYA (u.p.: Encik Norzam Adhar bin Mohd Nor)</p>
Skim Bukan Gunasama	15 tahun dan ke atas	Tidak Lulus	<p>Pertanyaan mengenai PPKhas dirujuk dengan:</p> <p>Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Cawangan Pembangunan Sumber Manusia Aras 5 Lot 4G4, Menara KBS, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62570 PUTRAJAYA (u.p: Norlida binti. Datuk Hj Ahmad Shahibuddin)</p>

Kumpulan Sokongan	Tempoh Perkhidmatan	Penilaian Tahap kecekapan	Keterangan
Skim Bukan Gunasama	15 tahun dan ke atas	Lulus	Permohonan kenaikan pangkat dikemukakan kepada: Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Cawangan Pengurusan Prestasi dan Tatatertib Aras 5 Lot 4G4, Menara KBS, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62570 PUTRAJAYA (u.p.: Encik Norzam Adhar bin Mohd Nor)
Skim Gunasama/ Bukan Gunasama	Bawah 15 tahun	Tidak berkaitan dengan urusan ini	